

## KELESTARIAN IJTIHAD DAN FATWA BAGI MENYANTUNI ISU SUMBANGAN TIDAK LANGSUNG DALAM TUNTUTAN HARTA SEPENCARIAN : SATU PENILAIAN KRITIS FIQH HARTA

***SUSTAINABILITY OF IJTIHAD AND FATWA TO RESPOND THE ISSUE OF INDIRECT CONTRIBUTIONS IN MATRIMONIAL PROPERTY CLAIM: A CRITICAL ASSESSMENT FIQH OF PROPERTY***

Mus'ab Yusoff<sup>1</sup>, Nur Sarah Tajul Urus<sup>2</sup>, 'Umair Yusoff,  
Mohamad Fauzi Md Thahir<sup>3</sup>, Siti Nurul Husna Othman<sup>4</sup>, Masyitah Mohd Zainon<sup>5</sup>

<sup>1</sup> Kulliyyah of Syariah & Laws, International Islamic University Sultan 'Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS), 09300 Kuala Ketil, Kedah Darul Aman, Malaysia Email: [mus'ab@unishams.edu.my](mailto:mus'ab@unishams.edu.my)

<sup>2</sup> Kulliyyah of Syariah & Laws, International Islamic University Sultan 'Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS), 09300 Kuala Ketil, Kedah Darul Aman, Malaysia Email: [nursarah@unishams.edu.my](mailto:nursarah@unishams.edu.my)

<sup>3</sup> Kulliyyah of Syariah & Laws, International Islamic University Sultan 'Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS), 09300 Kuala Ketil, Kedah Darul Aman, Malaysia Email: [fauzithahir@unishams.edu.my](mailto:fauzithahir@unishams.edu.my)

<sup>4</sup> Kulliyyah of Usuluddin and Quranic Sciences, International Islamic University Sultan 'Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS), 09300 Kuala Ketil, Kedah Darul Aman, Malaysia Email:

[nurulhusna@unishams.edu.my](mailto:nurulhusna@unishams.edu.my)

<sup>5</sup> Kulliyyah of Syariah & Laws, International Islamic University Sultan 'Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS), 09300 Kuala Ketil, Kedah Darul Aman, Malaysia Email: [masyitah@unishams.edu.my](mailto:masyitah@unishams.edu.my)

<b>Abstrak</b>	<b>Abstract</b>
<p><i>Isu kelestarian ijтиhad dan fatwa untuk merungkai polemik dan menyantuni permasalahan sumbangan tidak langsung dalam tuntutan harta sepencarian telah menjadi isu penting pada hari ini. Pemilihan ijтиhad dan fatwa yang tepat akan memastikan perbincangan secara kritis dalam hal ini dapat dipotretkan kepada masyarakat yang cakna ilmu. Terdapat banyak dapatan penulisan ilmu fiqh yang menyatakan kaedah utama dalam ijтиhad dan fatwa yang digunakan fuqahak zaman silam dan kontemporari untuk melakar perbincangan yang menarik dalam isu yang diketengahkan ini, namun begitu dalam konteks sumbangan tidak langsung dalam tuntutan harta</i></p>	<p>The issue of sustainability of ijтиhad and fatwas to elaborate on polemics of indirect contributions in matrimonial property claims has become an important issue today. The selection of the right ijтиhad and fatwas will ensure that critical discussions in this matter can be photographed to a knowledgeable society. There are many findings of jurisprudence writing that stated the main methods in ijтиhad and fatwas used by fuqahak of the past and contemporary to draw interesting discussions on this issue, but in the context of indirect contributions in matrimonial property claims, there is still much to be</p>

sepencarian, masih banyak yang perlu diperjelaskan. Objektif utama kajian ini ialah untuk mengetahui kaedah ijtihad dan fatwa di dalam kitab fiqh yang diaplikasikan oleh para fuqahak dalam isu ini. Kajian ini berbentuk kualitatif di mana sejumlah 20 buah kitab turath telah diteliti dan difahami secara deskriptif. Kaedah pengumpulan utama yang digunakan ialah pembacaan dan analisis mendalam dan penilaian naratif telah digunakan untuk menganalisis dapatan yang diperoleh. Hasil analisis membuktikan bahawa sumbangan tak langsung yang berkait dengan hal ehwal rumah dan diluarnya, boleh dilakukan Akad al-Ijarah untuk si isteri layak mengambil upah tertentu mengikut pandangan jumhur. Ia berkaitan dengan jumlah terhad yang masih tertangguh pembayarannya dan dimasukkan ke dalam harta sepencarian. Kajian juga mendapati bahawa sumbangan tak langsung yang berkait dengan kerja luar rumah juga, boleh dilakukan Akad Syarikat al-Abdan mengikut pandangan mazhab al-Hanafiyyah dan boleh dikaitkan dengan jumlah keuntungan yang berkembang dan dimasukkan ke dalam harta sepencarian. Selain itu, Enakman Undang-Undang Keluarga Islam juga tidak menghususkan secara terperinci syarat-syarat pemilikan harta yang ditentukan oleh hukum syarak. Kajian ini mencadangkan supaya satu garis panduan dapat diterjemahkan dalam minda masyarakat Islam di Malaysia secara berterusan untuk memastikan polemik yang berkecamuk ini dapat diperjelaskan dan terjaga kemaslahatan yang ingin diperjuangkan.

**Kata Kunci:** Ijtihad – Fatwa – Sumbangan Tidak Langsung – Harta Sepencarian – Fiqh Harta

clarified. The main objective of this study is to find out the method of ijtihad and fatwa in the book of fiqh applied by the jurists in this issue. This study is qualitative in which a total of 20 books of turath have been researched and understood descriptively. The main collection methods used were in-depth reading and analysis and narrative evaluation was used to analyze the findings obtained. The results of the analysis prove that the indirect contribution related to housework and outdoor work, can be done Akad al-Ijarah for the wife is eligible to take a certain wage according to the jumhur view. It relates to the limited amount that is still pending payment and is included in the matrimonial property. The study also found that indirect contributions related to outdoor work as well, can be done Akad Syarikat al-Abdan according to the view of the school of al-Hanafiyyah and can be associated with the amount of profits that grow and put into matrimonial property. In addition, the Islamic Family Law Enactment also does not specify in detail the conditions of property ownership as determined by Islamic law. This study suggests that a guideline can be translated into the minds of the Muslim community in Malaysia continuously to ensure that this polemic can be clarified and the benefits to be fought for can be maintained.

**Keywords:** Ijtihad - Fatwa - Indirect Contribution - Matrimonial Property - Fiqh Property

## Pendahuluan

Definisi harta sangatlah meluas sehingga melibatkan objek-objek, perkhidmatan, hak moral dan hak intelektual. *Fuqaha* dahulu hanya membincangkan definisi harta pada objek barang yang bernilai dan perkhidmatan yang bermanfaat sahaja<sup>1</sup>. Sifat harta ini berkembang melihat kepada peredaran masa dan tempat. Oleh yang demikian, harta yang diiktiraf oleh adat setempat makin berluasa dan diterima pada zaman kini sehinggakan barang yang tidak dapat dilihat oleh mata kasar juga boleh dikira sebagai harta seperti hak intelektual, hak cipta dan sebagainya. Oleh itu, sebelum dikeluarkan hukum berkaitan sumbangan tidak langsung dalam pembahagian harta sepencarian, perlulah difahami dahulu persoalan-persoalan utama berkaitannya, iaitu:

1. Adakah sumbangan tidak langsung ini termasuk dalam definisi harta ataupun tidak?
2. Sekiranya ianya adalah harta, bagaimanakah proses perubahan hak miliknya di antara suami isteri?
3. Adakah tuntutan sumbangan tidak langsung ini berlaku dari persetujuan suami isteri bersama ataupun tanpa persetujuan mereka?

## Harta Sepencarian

Harta sepencarian adalah harta yang diperolehi oleh suami isteri sepanjang perkahwinan berkuatkuasa. Sumbangan isteri dalam perkahwinan membolehkan dia menuntut hak ke atas harta sepencarian apabila berlaku perceraian, poligami ataupun kematian.

Sumbangan isteri secara langsung bermaksud usaha yang diberikan oleh pihak isteri yang menyumbang kepada perolehan harta dalam

---

<sup>1</sup> Al-Zuhailiyy, *al-Fiqh al-Islamiy wa Adillatuh*, Dimashq: Dar al-Fikr. Jld 4 / Hlm 2877.

perkahwinan, seperti pemilikan rumah dan kenderaan. Manakala sumbangan tidak langsung pula bermaksud usaha yang diberikan oleh pihak isteri yang menyumbang kepada pengurusan dalaman rumah tangga seperti menguruskan keperluan makan pakai suami, menyelenggara kerja-kerja rumah, memelihara kebajikan anak-anak serta menjaga amanah ke atas kewangan suami. Kedua jenis sumbangan ini menyumbang kepada kejayaan suami mendapatkan harta dalam perkahwinan.

## Sumbangan Tidak Langsung

Definisi "Sumbangan Tidak Langsung" adalah: suatu sumbangan yang bukan berbentuk wang atau benda tetapi mendatangkan dan menghasilkan harta atau aset tertentu. Sumbangan ini, sama ada melalui idea, dorongan, nasihat, memberi semangat, menjaga keselesaan, menimbulkan ketenteraman dan sebagainya kepada pasangan satu lagi yang berusaha secara langsung dan berjaya mendapatkan harta dan aset itu<sup>2</sup>.

Definisi ini merumuskan bahawa sumbangan tidak langsung adalah sebahagian dari harta yang terbentuk dari "perkhidmatan yang bermanfaat". Fuqaha dahulu menamakan dan membahaskannya dalam istilah "*al-Ijarah fi al-'Amal*". Perkhidmatan ini juga boleh berlaku secara kerjasama dari pasangan suami isteri di mana sebahagian perundangan meletakkan sumbangan tidak langsung ini adalah perkongsian dalam usaha perkhidmatan yang dibahaskan dalam "*Syarikat al-Abdan*", iaitu: perkongsian yang berasaskan perkhidmatan semata-mata tanpa melibatkan duit modal atau benda.

Jadi, sumbangan tidak langsung ini merupakan harta yang boleh diperdagangkan atau diambil upah. Maka proses pertukaran harta ini

---

<sup>2</sup> Jabatan Bantuan Guaman, Hal Ehwal Undang-Undang. Harta Sepencarian. Perkara Ke-2.

semestinya memerlukan satu ikatan perjanjian akad *mu'amalat* untuk ketetapan pemilikan upah dibawah nama seseorang.

Setiap akad di dalam perundangan Islam terdiri dari tiga rukun utama iaitu, pertama: *sighah* (*ijab* dan *qabul*), kedua: orang yang berakad (dua pihak atau lebih) dan ketiga: perkara yang diakadkan (dua perkara yang ditukarkan). Pada umumnya, sebuah perjanjian akad itu tidak lari dari kelaziman dari dua pihak (*al-Luzum*), atau keharusan salah satu pihak (*al-Jawaaz*). Kelaziman ini memberi maksud: kedua-dua pihak yang telah memeterai perjanjian, wajib untuk menunaikan pertukaran yang dijanjikan dan tidak boleh dibatalkan kecuali mendapat persetujuan bersama atau kecacatan pada barang. Contohnya; jual beli, sewa menyewa, upah mengupah, tempah menempah, *khulu'* dan yang lain-lain lagi. Manakala maksud keharusan pula ialah; salah satu dari kedua pihak harus untuk memilih untuk membatalkan perjanjian selepas dimeterainya walaupun tidak dipersetujui bersama. Contohnya; *wakalah*, *wadi'ah*, perlburan, pinjaman, syarikat dan sebagainya. Ada ketika berlakunya kelaziman akad dari satu pihak sahaja seperti akad *talaq* penceraian, si suami sahaja memiliki lafaz ini dan terlaksana daripadanya tanpa perlu persetujuan si isteri.

Asas akad *mu'malat* ini memberi gambaran kepada kita bahawasanya, setiap harta yang bernilai itu ada pemiliknya, dan untuk berlakunya proses pertukaran pemilikan ini semestinya memerlukan kesempurnaan rukun-rukun akad dan syarat-syaratnya. Tanpa rukun dan syarat ini, sesuatu akad akan berlaku secara batil dan tidak sah, maka berlaku kecatatan dalam hal pemilikan. Apabila berlakunya sedemikian, ianya sangatlah digeruni kerana bercanggahan dengan firman Allah Ta'ala yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan cara yang batil (menyalahi Syara', tipu, judi

dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu, dan janganlah kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri. Sesungguhnya Allah sentiasa Mengasihani kamu.”<sup>3</sup>

Ayat di atas menegaskan kepada umat yang beriman supaya jangan mengambil harta secara batil dan perlu melakukan pertukaran harta dengan cara saling redha meredhai. Perihal redha ini berada di dalam sanubari manusia, tidak dapat diketahui melainkan dengan ungkapan lafaz dari mulut manusia. Maka ulama telah bersepakat dalam menyatakan ungkapan yang dapat mengetahui redha seseorang itu adalah melalui *sighah* lafaz *ijab* dan *qabul* yang diletakkan sebagai rukun akad, manakala selain *ijab qabul* seperti serah menyerah, bentuk tulisan dan isyarat, *fuqaha* berbeza pandangan dan didapati majoriti mereka menerima sekiranya adat atau ‘*uruf* menentukan berlakunya keredhaan dan kerelaan dalam sebuah akad itu.

Persoalannya, adakah berlaku akad dan keredhaan bagi sumbangan tidak langsung dalam harta sepencarian untuk dituntut dan dimiliki? Secara umumnya, lumrah kehidupan rumah tangga yang berasaskan kasih sayang menyebabkan kurang berlakunya akad yang serius ketika berlaku sumbangan tak langsung dari pihak isteri mahupun suami melainkan akad yang dianggap remeh sahaja dan diabaikan dengan tolak ansur di antara mereka. Titik pertikaian dan tuntutan yang serius berkaitan sumbangan tak langsung ini bermulanya dari akibat pergaduhan, tidak puas hati dan penceraian. Jadi adakah Syara’ menerima tuntutan tersebut untuk diberi upah mengikut kadar sumbangan mereka atau tidak? Fatwa dan Undang-Undang Keluarga Islam mengharuskan tuntutan tersebut. Berikut antara fatwa yang dikeluarkan:

---

<sup>3</sup> Surah al-Nisa: 29.

## Fatwa Keharusan Tuntutan Sumbangan Tidak Langsung

Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah mengambil keputusan yang telah dibuat pada 1399 H/1979 M seperti berikut:

Menurut kelaziman negeri-negeri di sebelah sini, suami isteri di dalam masa hidup perkongsian mereka sama-sama berganding bahu membina penghidupan dengan berbahagi usaha untuk mendapat harta, sama-sama bersawah, sama-sama meneroka tanah dan hutan atau lain-lain usaha yang akhirnya mereka dapat memiliki harta iaitu hasil dari usaha cari sama-sama dan harta ini adalah harta sepencarian. Jawantankuasa sebulat suara bersetuju:

- (i) Isteri atau suami berhak mendapat daripada harta sepencarian dengan kadar yang berdasarkan kepada upah kerja yang munasabah menurut lazimnya bagi sesuatu kerja atau usaha. Pendapat ini berpegang kepada nas di dalam kitab *Qurratul 'Ain bi Fatawa Ulama al-Haramain*, halaman 366-367 <sup>4</sup>; dan
- (ii) mengesyorkan kepada Majlis (Agama) supaya mengadakan peruntukan undang-undang Pentadbiran Agama Islam yang memberi hak kepada isteri atau warisnya, jika suami ingkar daripada memberi haknya yang adil atas harta sepencarian itu, membuat tuntutan di hadapan mana-mana Mahkamah Kadi (Syariah), Kadi dengan budi bicara dan timbang tiliknya boleh menghitbatkan hak isteri daripada harta sepencarian itu dan menentukan kadar yang patut dan berhak baginya atau waris memperolehnya jika ia telah mati dengan berdasarkan kepada upah kerja yang munasabah menurut lazimnya bagi sesuatu kerja atau usaha.
- (iii) Oleh kerana *mu'amalah* suami isteri bagi menghasilkan harta sepencarian itu termasuk di bawah *mu'amalah Syarikat al-Abdan* dan *Syarikat al-Abdan*

---

<sup>4</sup> Sila lihat: halaman 12-13.

adalah tiada sah di dalam Mazhab Syafi'i dan sah di dalam Mazhab Hanafi dengan tiada menghiraukan jenis pekerjaan sama ada sama atau berlainan dan sah juga di dalam Mazhab Maliki dan Hanbali dengan syarat sama jenis pekerjaan, maka Jawatankuasa Fatwa memberi pendapat seperti (perenggan) (i) dan (ii) di atas adalah dengan merujuk kepada Mazhab Hanafi. Maka tertakluk kepada seksyen 38 (1) Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam No. 9/1962 yang mana Mazhab Syafi'i yang menjadi pegangan dan amalan dan dikuatkuasakan oleh undang-undang tersebut kecuali jika dengan mengikut *qaul* (pandangan) di dalam Mazhab Syafi'i akan menjadi berlawanan dengan maslahat orang ramai pada ketika itu bolehlah Majlis atau Jawatankuasa Fatwa dengan mendapat izin khas Duli Yang Maha Mulia mengikut mananya satu *qaul* daripada mazhab-mazhab yang lainnya yang tiga lagi itu. Maka Jawatankuasa Fatwa bersetuju mengesyorkan kepada Majlis supaya pohon keizinan ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan untuk perkenan baginda bagi diamalkan menurut *qaul* Mazhab Hanafi yang meluluskan *Syarikat al-Abdan* (tanpa syarat persamaan dalam jenis pekerjaan yang mana) mencari harta sepencarian ini adalah termasuk di bawah *Syarikat al-Abdan*<sup>5</sup>.

Keputusan fatwa bagi harta sepencarian ini juga telah ditempatkan dalam bentuk undang-undang bertulis yang terdapat dalam Undang-Undang Keluarga Islam. Undang-undang seragam telah dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak Sivil, Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam (MKI) dan telah diperkenan oleh Majlis Raja-Raja dalam Mesyuarat Majlis Raja-Raja kali ke-188 pada 22 Mac tahun 2001. Sehingga kini semua negeri di Malaysia telah meluluskan dan menguatkuasakan Undang-Undang

---

<sup>5</sup> Jabatan Mufti Negeri Kedah Darul Aman dan Majlis Agama Islam Negeri Kedah, Himpunan Fatwa Dua (2) Negeri Kedah. Hlm 44-47.

Keluarga Islam selaras dengan keputusan Mesyuarat Majlis Raja-Raja tersebut.

Seksyen 122. Kuasa Mahkamah memerintah pembahagian harta sepencarian<sup>6</sup>;

- (1) Mahkamah adalah mempunyai kuasa apabila membenarkan lafaz *talaq* atau apabila membuat suatu perintah perceraian untuk memerintah supaya apa-apa aset yang diperolehi oleh pihak-pihak itu dalam masa perkahwinan dengan usaha bersama mereka dibahagi antara mereka atau supaya mana-mana aset yang diperolehi oleh pihak-pihak itu dalam masa perkahwinan dengan usaha bersama mereka dibahagi antara mereka atau supaya mana-mana aset itu dijual dan hasil jualan itu dibahagi antara pihak-pihak itu.
- (2) Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh subseksyen (1), Mahkamah hendaklah mengambil perhatian tentang-

- (a) takat sumbangan yang telah dibuat oleh tiap-tiap satu pihak dalam bentuk wang, harta, atau kerja bagi memperolehi aset-aset itu;
- (b) apa-apa hutang yang terhutang oleh salah satu pihak yang telah dilakukan bagi manfaat bersama mereka;
- (c) keperluan anak-anak yang belum dewasa dari perkahwinan itu, jika ada.

- (3) Mahkamah adalah mempunyai kuasa, apabila membenarkan lafaz *talaq* atau apabila membuat perintah perceraian, memerintah supaya apa-apa aset yang diperolehi dalam masa perkahwinan dengan usaha tunggal satu pihak kepada perkahwinan itu dibahagi antara mereka atau supaya aset itu dijual dan hasil jualan itu dibahagi antara mereka atau supaya mana-mana aset itu dijual dan hasil jualan itu dibahagi antara pihak-pihak itu.

---

<sup>6</sup> Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam, Kedah Darul Aman, 2008.

- (4) Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh subseksyen (3), Mahkamah hendaklah memberi perhatian kepada:
- takat sumbangan-sumbangan yang telah dibuat oleh pihak yang tidak memperolehi aset itu, kepada kebajikan keluarga dengan memelihara rumah tangga atau menjaga keluarga;
  - keperluan anak-anak yang belum dewasa dari perkahwinan itu, jika ada,

dan tertakluk kepada pertimbangan-pertimbangan itu, Mahkamah boleh membahagikan aset-aset itu atau hasil jualan itu mengikut apa-apa kadar yang difikirkannya munasabah, tetapi, walau bagaimana pun, pihak yang telah memperoleh aset-aset itu dengan usahanya hendaklah menerima suatu kadar yang lebih besar.

- (5) Bagi maksud seksyen ini, rujukan-rujukan mengenai aset yang diperoleh dalam masa perkahwinan termasuklah aset-aset yang dipunyai oleh satu pihak sebelum perkahwinan itu yang telah dimajukan pada sebahagian besarnya dalam masa perkahwinan itu oleh pihak yang satu lagi itu atau dengan usaha bersama mereka.

#### **Dalil Keharusan Sumbangan Tak Langsung Diletak Sebagai Harta Sepencarian:**

Dalil-dalil yang dikemukakan oleh mereka yang mengharuskan sumbangan tidak langsung itu dikira dari harta sepencarian, adalah seperti berikut:

1) Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah, ayat 228:

Maksudnya: "...dan isteri-isteri itu mempunyai hak yang sama seperti kewajipan yang ditanggung oleh mereka (terhadap suami) dengan cara yang sepatutnya (dan tidak dilarang oleh Syara'), dalam pada itu orang-orang lelaki (suami-suami itu) mempunyai satu darjah kelebihan atas orang-orang perempuan (isterinya). Dan (ingatlah), Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana."

Disandarkan kepada kenyataan Sayyid Sabiq yang menjelaskan ayat ini memberi hak-hak kepada isteri sama seperti hak yang diberikan kepada suami. Justeru, apa-apa yang dituntut ke atas isteri untuk melakukannya mengikut kesesuaian fitrahnya seperti menguruskan rumah tangga, menjadikan suasana rumah tangga menyenangkan dan penuh ketenteraman, suami juga lebih dituntut sedemikian dalam melakukan kerja yang lebih berat dan bersesuaian dengan fitrahnya<sup>7</sup>. Oleh itu, adalah patut dan wajar harta yang diperolehi daripada usaha bersama itu dijadikan harta bersama (sepencarian) antara suami isteri selagi tidak ada apa-apa bukti atau pengakuan bahawa harta-harta yang diperolehi itu adalah hak masing-masing daripada pemberian orang lain atau pusaka. Usaha bersama ini juga merangkumi sumbangan secara langsung dari suami yang mencari nafkah di luar rumah dan sumbangan tak langsung dari isteri yang menjalankan tanggungjawabnya di rumah dan sebagainya, maka Syara' memperakui setiap sumbangan yang dilakukan oleh mereka berdua itu terdapat hasilnya yang perlu dikongsi bersama.<sup>8</sup> Firman Allah SWT:

---

<sup>7</sup> Sayyid Sabiq, *Fiqh al-Sunnah*, Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabiyy, 1977. Jld 2/Hlm 202.

<sup>8</sup> Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu, Dalam Perkara Tuntutan Harta Sepencarian, Saman No. 11111-000-000-0000. 2018. Hlm 11-12. Abdul Walid Abu Hasan, Hak-Hak Wanita Menurut Undang-Undang Keluarga Islam Di Malaysia, Kuala Lumpur: UIM, 2016. Hlm 128.

Maksudnya: orang-orang lelaki ada bahagian dari apa yang mereka usahakan, dan orang-orang perempuan pula ada bahagian dari apa yang mereka usahakan.<sup>9</sup>

2) *Al-Qiyas*; iaitu menyamakan sumbangan tidak langsung ini dengan *Syarikat al-Abdan*. Di mana kedua-kedua perkara ini disamakan pada sudut perkhidmatan yang diusahakan secara perkongsian dari dua pihak ataupun lebih. Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah<sup>10</sup> menyandarkan kepada nas di dalam kitab *Qurratul 'Ain bi Fatawa Ulama al-Haramain*, apabila ditanyakan fatwa berkaitan suami isteri berkongsi dalam perusahaan seperti yang belaku di Indonesia, kemudian salah seorangnya meninggal dunia dalam keadaan harta yang diusahakan secara bersama itu belum dibahagikan dan tidak dapat dibezaikan. Maka dijawab oleh pengarangnya yang bermaksud:

Dalam kitab *al-I'anah* yang dituliskan oleh Sheikh kami: "Dua orang bersyarikat telah bersetuju membahagikan pendapatan daripada usaha tenaga kedua mereka, sama ada kerja kedua-duanya sama seperti kedua-duanya tukang jahit, atau kerja kedua-duanya berbeza seperti seorang tukang jahit dan seorang lagi tukang sulam adalah dinamakan '*Syarikat al-Abdan*'. Syarikat ini adalah batil (tidak sah) kerana tidak ada harta. Jadi sesiapa yang berusaha sendirian maka keuntungan adalah kembali kepadanya sahaja dan sesiapa yang berkongsi dalam perusahaan maka keuntungan dibahagikan antara kedua-duanya menurut upah yang munasabah mengikut kerja. Ia diharuskan secara mutlak oleh Imam Abu Hanifah. Manakala Imam Malik dan Ahmad mensyaratkan persamaan kerja." Jadi jelaslah hasil yang diperolehi daripada usaha suami-isteri yang tidak boleh dibeza-bezakan perlu dibahagikan antara kedua-duanya menurut upah yang munasabah dengan kerja. Kemudian waris-waris si mati daripada kedua-duanya

<sup>9</sup> Surah al-Nisa: 32.

<sup>10</sup> Jabatan Mufti Negeri Kedah. Hlm 45-46.

mengambil bahagian yang diperolehi mereka untuk mereka membahagikannya menurut peruntukan undang-undang pusaka.<sup>11</sup>

3) *Al-'Uruf*; sandaran kepada 'uruf dan Adat Melayu yang meletakkan harta sepencarian sebagai harta yang diperolehi oleh kedua-dua suami isteri semasa perkahwinan, seandainya perkahwinan itu telah mencapai usia tiga tahun dan pasangan tersebut telah mempunyai anak, maka harta sepencarian itu termasuklah apa-apa harta yang dipunyai oleh mana-mana pihak sebelum perkahwinan mereka. Undang-undang adat ini berbeza-beza dari satu negeri ke negeri yang lain<sup>12</sup>.

Kaedah fiqhiyyah menyatakan:

"العادة محكمة"<sup>13</sup>

Maksudnya: Adat itu adalah penentu sesuatu hukum.

Perundangan Islam telah mengiktiraf sebuah adat itu diterima sebagai sumber pendalilan Syara', akan tetapi dengan bersyarat iaitu: tidak bertentangan dengan nas-nas al-Quran dan al-Sunnah. Oleh itu, Syara' hanya menerima adat sebagai penentuan harta sepencarian ketika keadaan usaha yang berlaku semasa perkahwinan sahaja, tidak melibatkan harta yang dimiliki sebelum perkahwinan secara sendirian dan harta itu juga tidak diusahakan dan dimajukan secara bersama.

4) *Maslahah Mursalah* (manfaat yang tiada dalil); memelihara kemaslahatan atau kepentingan kedua-dua pihak dalam memelihara harta<sup>14</sup>.

<sup>11</sup> Husain Ibrahim al-Maghribi, *Qurratul 'Ain bifataawa Ulama al-Haramain*, Mesir: Matba'ah Moustafa Muhammad, 1937. Hlm: 366-367.

<sup>12</sup> Norazlina Abd Aziz, Irini Ibrahim dan Mohd Norhusairi Mat Hussin, Harta Sepencarian/Aset Perkahwinan Bagi Pembubaran Perkahwinan Di Bawah Seksyen 51 Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 Serta Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984. Journal Of Shariah Law Research, 2019. Hlm: 4-5.

<sup>13</sup> Al-Zarqa, *Sharh al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*, Dimashq: Dar al-Qalam, 1989. Hlm 219.

<sup>14</sup> Jabatan Mufti Negeri Kedah. Hlm 44. Taufiq Musaddad Bin Hj Ahmad, Harta Sepencarian Menurut Perspektif Islam. E-muamalat, Kertas Ilmiah (JAKIM). Hlm. 21.

5) *Istihsan bii al-'Uruf* (pengambilan hukum yang terbaik dari 'uruf); berdasarkan Adat Melayu sebagai 'uruf yang diperakui baik dan sesuai oleh undang undang kedudukannya, maka ia menjadi peraturan yang perlu diterima dan dipatuhi<sup>15</sup>, sepetimana berkata Abdullah Ibn Mas'ud:

مَا رَأَى الْمُسْلِمُونَ حَسَنًا فَهُوَ عِنْدَ اللَّهِ حَسَنٌ، وَمَا رَأَوْهُ سَيِّئًا فَهُوَ عِنْدَ اللَّهِ سَيِّئٌ.<sup>16</sup>

Maksudnya: Apa-apa yang dipandang baik oleh orang Islam baik juga di sisi Allah dan perkara yang dilihat buruk oleh mereka maka demikian juga di sisi Allah.

### Syubhat Dan Kesamaran Fatwa Dan Hujah Dalil Diatas Yang Perlu Diperhalusi

Dalil utama yang dikeluarkan oleh mereka yang mengharuskan tuntutan sumbangsih tidak langsung adalah adat dan 'uruf setempat. Mereka sendiri memperakui bahawa tidak ada nas yang jelas dari al-Quran ataupun al-Sunnah tentang perkara sedemikian. Maka terdapat kesamaran yang perlu dijelaskan bagi setiap dalil yang dikemukakan;

**PERTAMA:** Ayat al-Quran yang disandarkan tidak boleh dijadikan asas harta sepencarian. Ini kerana mengeluarkan kefahaman dari Sayyid Sabiq yang tidak dikatakan oleh beliau. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“....dan isteri-isteri itu mempunyai hak yang sama seperti kewajipan yang ditanggung oleh mereka (terhadap suami) dengan cara yang sepatutnya (dan tidak dilarang oleh syarak), dalam pada itu orang-orang lelaki (suami-suami

<sup>15</sup> Abu Walid Abu Hasan. Hlm. 118. Taufiq Musaddad. Hlm. 21-22.

<sup>16</sup> Al-Hakim, *al-Mustadrak*, Kaherah: Dar al-Tasil, 2014. Bab: Fadhl Sayyidina Abu Bakr. Jld 5/Hlm 252. No. Hadith: 4521.

itu) mempunyai satu darjah kelebihan atas orang-orang perempuan (isterinya).<sup>17</sup>

Ayat di atas menerangkan berkaitan hak-hak isteri dan hak-hak suami. Sayyid Sabiq di dalam kenyataannya ingin menjelaskan bahawa hak suami adalah mendapat perkhidmatan isterinya di rumah seperti memasak, mengemas rumah. Ia adalah tanggungjawab isteri yang wajib berdasarkan akad pernikahan. Manakala hak isteri pula adalah mendapat perkhidmatan suaminya di luar rumah seperti mencari pekerjaan dan pendapatan sumber kewangan, kemudian ditambahkan lagi tanggungjawab suami untuk memberikan nafkah kepada isterinya<sup>18</sup>.

Tidaklah wajar sumbangan tidak langsung itu dijadikan harta bersama (sepencarian) berdasarkan sandaran kepada pandangan Sayyid Sabiq yang tidak dikatakan oleh beliau. Ini kerana pada pandangan beliau; pembahagian tugas perkhidmatan di rumah dan di luar rumah antara suami isteri ini diperolehi daripada akad pernikahan. Ia berbeza dengan pandangan *Jumhur Fuqaha*, yang meletakkan akad pernikahan sebagai akad untuk berlakunya pergaulan *istimta'* antara suami isteri sahaja<sup>19</sup>, manakala perkhidmatan isteri kepada suaminya, -walaupun di rumah- adalah tidak wajib kecuali dengan dimeterai akad *mu'amalat* yang lain untuk membolehkan si isteri mendapat dan menuntut upah kerja perkhidmatannya<sup>20</sup>.

Konklusinya, sekiranya diambil pandangan Sayyid Sabiq, akad pernikahan mewajibkan ke atas isteri untuk memberi usaha perkhidmatan kepada suami mengikut kemampuannya dan '*uruf*, tanpa layak menerima sebarang upah kerana perkhidmatan itu wajib berdasarkan akad pernikahan, maka sumbangan tak langsung itu adalah sebahagian dari perkhidmatan

---

<sup>17</sup> Surah al-Baqarah: 228

<sup>18</sup> Sila rujuk: Sayyid Sabiq. Jld 2/Hlm 203.

<sup>19</sup> Ibid. Al-Qurtubiy, *Tafsir al-Qurtubiy*, Kaherah: Dar al-Hadith, 2007. Jld 2/Hlm 133.

<sup>20</sup> Ibid. Al-Bakriyy, *Hashiah l'anah al-Tolbin*. Dimashq; Dar al-faiha & Dar al-Manhal, 2006. Jld 4/Hlm 120. Ibn Qudamah, *al-Mughni*, Maktabah al-Kaherah, 1968. Jld 5/Hlm 370.

yang dijanjikan melalui akad pernikahan tanpa memerlukan apa-apa pembayaran. Begitulah juga usaha perkhidmatan yang berlaku dari pihak suami kepada isterinya, melainkan si suami diberatkan lagi oleh Syara' dengan pemberian nafkah. Pandangan ini juga disandarkan kepada sebahagian Fuqaha Mazhab Maliki<sup>21</sup>.

Fuqaha Mazhab Hanafi juga mempersetujui pandangan di atas iaitu perkhidmatan isteri berkaitan hal ehwal rumah adalah wajib berdasarkan tuntutan dari akad nikah. Ianya tidak boleh diterima upah (*al-Ijarah*), kecuali perkhidmatan yang berlaku di luar hal ehwal rumah seperti penternakan maka akad ini boleh dilaksanakan kerana ia bukan tuntutan dari akad perkahwinan<sup>22</sup>.

Manakala pandangan *jumhur* pula, setiap perkhidmatan isteri kepada suaminya adalah tidak wajib, dan boleh diminta bayaran upah.

Maka apabila difahami perbezaan pandangan ini, dapatlah juga difahami dengan jelas akan ayat 32, surah al-Nisa pada konteks harta sepencarian suami isteri yang diterjemahkan pada masa kini, ianya pada penentuan bahagian masing-masing yang diusahakan:

Maksudnya: "Orang-orang lelaki ada bahagian dari apa yang mereka usahakan, dan orang-orang perempuan pula ada bahagian dari apa yang mereka usahakan."<sup>23</sup>

Semestinya "bahagian hak" dan "usaha" dinyatakan dalam ayat ini adalah usaha yang diperakui kesahihannya oleh Syara'. Justeru, meletakkan usaha bersama antara suami isteri sebagai harta bersama (sepencarian) adalah tidak tepat kerana usaha bersama ini terlalu umum dan luas di antara suami isteri, manakala sifat harta ini pula memerlukan akad untuk menentukan

---

<sup>21</sup> Sila rujuk: Al-Qurtubiy, Jld 2/Hlm 133.

<sup>22</sup> Al-Sarakhsiy, *al-Mabsut*, Beirut: Dar al-Ma'rifah, 1993. Jld 16/Hlm 55. Al-Kasani, *Bada'i' al-Sonai'*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1986. Jld 4/Hlm 192.

<sup>23</sup> Surah al-Nisa: 32.

pertukaran pemilikannya. Tafsiran ulama dahulu berkaitan bahagian dan usaha yang bersifat umum ini berkait dengan:

- 1) pahala dan dosa,
- 2) bahagian dari harta pusaka<sup>24</sup>.

Manakala tafsiran kini yang dapat dikeluarkan pada sudut “bahagian hak” dan “usaha” yang dikhkususkan pada suami isteri pula adalah seperti berikut;

- 3) bahagian dan usaha ini dikhkususkan gambarannya pada hak mereka berdua seperti yang disandarkan kepada pandangan Sayyid Sabiq. Maka maksudnya bagi suami ada bahagiannya (iaitu mendapat perkhidmatan isteri) dari apa yang suami usahakan dan kerjakan, dan isteri pula ada bahagiannya (iaitu mendapat perkhidmatan suami dan nafkah) dari apa yang isteri usahakan. Kesemua perkhidmatan ini dimeterai melalui akad pernikahan. Maka sumbangan isteri kepada suaminya adalah satu kewajiban yang tidak boleh dituntut sebagai harta sepencarian.
- 4) Gambaran khusus yang dikeluarkan dari pandangan *jumhur* pula: bagi suami ada bahagiannya dari apa yang mereka usahakan dan kerjakan, dan isteri pula ada bahagiannya dari apa yang mereka usahakan. Maksudnya; suami memiliki bahagian yang diusahakannya dan isteri memiliki bahagian yang diusahakannya, sekiranya hendak berkongsi atau menukar pemilikan dan manfaat bahagian masing-masing, maka memerlukan akad *mu'amalat* di antara mereka, bukanlah sekadar melalui akad pernikahan.
- 5) Manakala tafsiran yang dikeluarkan dari Fuqaha Mazhab Hanafi pula adalah pandangan pertengahan antara pandangan Sayyid Sabiq dan *jumhur*. Adanya perkhidmatan suami isteri itu yang perlu kembali kepada akad

---

<sup>24</sup> Al-Jauzi, *Zaad al-Masir fi 'Ilm al-Tafsir*, Beirut: al-Maktab al-Islamiyy & Dar Ibn Hazm, 2002. Hlm 278.

nikah, maka tidak boleh diperdagangkan. Dan adanya perkhidmatan mereka yang memerlukan pada akad *mu'amalat* yang boleh diperdagangkan.

Maka pandangan *jumhur* dan Fuqaha Mazhab Hanafi lebih sesuai untuk dikaitkan dengan tuntutan sumbangan tidak langsung dalam harta sepencarian, tetapi dengan syarat-syarat dan selok belok mengikut garis panduannya. Bukan dicampur adukkan perkara yang bertentangan dan dijadikan undang-undang yang tiada asasnya.

KEDUA: *al-Qiyas* atau menyamakan sumbangan tidak langsung ini dengan *Syarikat al-Abdan* yang diharuskan secara mutlak oleh Fuqaha Mazhab Hanafi. Ianya dilihat sesuai untuk disamakan kedua-dua perkara ini, sekiranya mencukupi empat rukun *al-Qiyas*, iaitu;

- 1) *al-Asl* (perkara asal): *Syarikat al-Abdan*,
- 2) *Hukm al-Asl* (hukum dari sumber asal): harus berlaku perkongsian,
- 3) *al-Far'u* (perkara cabang): sumbangan tidak langsung dan
- 4) *al-'Illah* (alasan): *al-Baraa'ah al-Asliyyah* (asal pada sesuatu adalah harus), iaitu; asal pada "akad" itu adalah sah, kecuali datangnya dalil yang menunjukkan berlakunya *fasad* (kerosakan)<sup>25</sup>. Keterangan yang lebih jelas pada 'illah di sini adalah; "akad" itu sendiri boleh membawa keuntungan tanpa modal<sup>26</sup>.

Hukum asal akad *Syarikat al-Abdan* adalah harus kerana; asal pada setiap akad adalah sah selagimana tiada dalil yang menunjukkan berlakunya *fasad* (kerosakan). Maka dengan diqiyaskan pada sumbangan tidak langsung, akan keluarlah dua keputusan dan hasil *al-Qiyas*;

Keputusan pertama: terbatalnya *al-Qiyas* kerana; *al-Asl* dan *al-Far'u* tidak sama pada "'illah"nya, iaitu *Syarikat al-Abdan* berlakunya dengan akad

<sup>25</sup> *Al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah*. Al-Kuwait; Wazarah al-Auqaf wa al-Shu'un al-Islamiyyah, 2007. Jld 26/Hlm 35.

<sup>26</sup> Sila rujuk: Ibn al-Humam, *Sharh Fath al-Qadir 'Ala al-Hidayah*. Beirut; Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2003. Jld 6/Hlm 169.

yang tidak ada dalil merosakkan akad itu, berbeza dengan sumbangan tak langsung yang berlaku tanpa apa-apa akad. Maka hasilnya sumbangan tak langsung hukumnya tiada keharusan berlaku perkongsian perkerjaan dan keuntungan untuk dituntut pada masa hadapan kerana tiada “akad” dan tiada “*illah*” yang sama.

Keputusan kedua; terlaksananya *al-Qiyas* kerana; *al-Asl* dan *al-Far'u* sama pada ‘*illahnya*, iaitu berlakunya kedua-dua perkara ini dengan akad yang tidak ada dalil merosakkan akad itu. Maka hasilnya pula sumbangan tidak langsung ini harus berlaku dan boleh berkembang keuntungannya yang boleh juga dituntut kemudian hari kerana “*illah*”nya wujud iaitu “akad”.

Kaedah fiqhiyyah juga menyatakan:

"الحكم يدور مع علته، وجوداً وعدماً."<sup>27</sup>

Bermaksud: sesuatu hukum itu berlegaran bersama ‘*illahnya*. Setiap kali wujudnya ‘*illah* menyebabkan kewujudan hukum, dan ketiadaan ‘*illah* menyebabkan ketiadaan hukum.

Proses *al-Qiyas* di atas begitu jelas menunjukkan perlunya berlaku akad untuk sahnya akad perkongsian sumbangan ini dan dituruti dengan tuntutan di masa hadapan. Perlu ditekankan juga, usaha dan sumbangan yang dilakukan oleh isteri itu tiada kaitan dengan hal ehwal rumah tangga kerana pada pandangan Fuqaha Mazhab Hanafi; urusan khidmat hal ehwal rumah tangga adalah tanggungjawab isteri yang dituntut oleh Syara’ disebabkan akad pernikahan dan pemberian nafkah<sup>28</sup>.

Sandaran kepada kitab *Qurrah al-'Ain* juga jelas menunjukkan fatwa yang diwartakan berasaskan akad yang sudahpun berlaku perkongsian di antara suami isteri dalam perusahaan mereka berdua, cuma hasil perusahaan

---

<sup>27</sup> Al-Zarqa. Hlm 483.

<sup>28</sup> Al-Sarakhsiy. Jld 16/Hlm 55.

itu berlaku *fasad* (kerosakan) di sisi Fuqaha Mazhab Hanafi kerana keuntungan tidak dijelaskan dan terdapatnya percampuran yang tidak dapat dibezakan waktu berlakunya kematian, maka diberikan upah yang munasabah bukanlah keuntungan bersama<sup>29</sup>.

KETIGA: Adat dan ‘*uruf* diraikan oleh Syara’ sehingga diletakkan kaedah fiqhiiyah; "العادة مكتمة". Hal ini perlu diperhausi, adakah adat itu bersesuaian dan dipersetujui oleh Syara’ atau tidak? Banyak perkara berkaitan harta sepencarian yang Syara’ telah mengasingkan adat dari penerimaannya, antaranya<sup>30</sup>:

- Adat yang menentukan harta suami isteri sebelum perkahwinan dimasukkan sekali di dalam harta sepencarian sekiranya perkahwinan telah mencapai usia tiga tahun.

Ia bercanggah dengan Syara’ di mana harta yang dimiliki sebelum perkahwinan kekal dibawah pemilikan tuannya selagi tidak ada akad yang mengubahnya, maka adat ini tidak diterima sama ada berlalunya pernikahan selama 3 tahun ataupun kurang.

- Adat suami yang menceraikan tanpa sebarang kesilapan di pihak isterinya mestilah memberi nafkah selama 3 bulan dan semua harta perlu dibahagikan.

Syara’ tidak memperakui nafkah hanya perlu diberi apabila berlakunya penceraian tanpa kesilapan di pihak isteri, bahkan kewajiban nafkah ini kekal sama ada berlaku penceraian tanpa kesilapan si isteri ataupun berlaku daripada kesilapannya. Manakala harta yang perlu dibahagikan secara umum itu juga tidak diterima oleh Syara’ kerana setiap

---

<sup>29</sup> Sila lihat halaman: 8-9.

<sup>30</sup> Sila rujuk: Norazlina Abd Aziz. Hlm 4-7.

harta itu ada pemiliknya yang tersendiri kecuali berlakunya akad pada perkongsian harta.

- Adat pada apa-apa harta yang diperolehi ketika berkahwin perlulah dibahagi di antara pasangan mereka. Jika mereka tiada anak dan suami mati maka harta itu akan menjadi milik isteri, prinsip yang sama terpakai sekiranya isteri yang mati. Tetapi jika mereka mempunyai anak, maka pembahagian yang akan dilakukan ke atas harta tersebut perlulah dibincangkan terlebih dahulu dengan semua benefisiari.

Adat ini juga bercanggahan dengan pembahagian harta *faraid* yang disyariatkan dalam agama Islam.

- Adat isteri yang menyumbangkan usahanya mengerjakan tanah milik suaminya berhak ke atas separuh yang diperolehi ketika perkahwinan. Manakala jika dia tidak memberikan apa-apa sumbangan, dia tetap akan mendapat 1/3 daripada harta sepencarian. Prinsip ini juga terpakai sekiranya berlaku kematian.

Adat di sini sangat berkait rapat dengan sumbangan tak langsung yang dibahaskan dalam kajian ini. Dalam permasalahan ini, dua soalan yang perlu diutarakan untuk dilihat sama ada adat ini diperakui Syara' ataupun tidak, pertama; sumbangan usaha isteri ini, adakah mereka suami isteri telah mempersetujui untuk kerja bersama? atau usaha ini berlaku dengan kehendak isteri tanpa apa-apa pulangan faedah?, kedua: sekiranya berlaku perkhidmatan ini dengan kerelaan si isteri sebagai bantuan tanpa apa-apa upah, adakah dirinya boleh menuntut upah apabila sudah berlalu usaha perkhidmatannya atau tidak boleh?

Sekiranya telah dipersetujui kerjasama perkhidmatan antara suami isteri maka berlakulah akad *Syarikat al-Abdan* yang membolehkan sumbangan

tak langsung itu menghasilkan harta sepencarian dan dituntut pada masa hadapan sama ada berlaku penceraian ataupun tidak berlaku. Akad yang berlangsung ini juga perlu menepati syarat-syaratnya. Antara syarat utama adalah ketetapan keuntungan antara dua pihak, semestinya perlu maklum yakni diketahui oleh kedua-dua pihak sama ada  $\frac{1}{2}$  ataupun  $\frac{1}{3}$  dari hasil keuntungan. Tanpa syarat ini, boleh berlaku *fasad* (kerosakan) pada akad dan si isteri hanya layak mendapat upah yang munasabah dengan kerjanya sahaja.

Manakala si isteri yang memberi perkhidmatan secara sukarela tanpa apa-apa akad, ia adalah sumbangan dan manfaat yang bukan boleh dimiliki dan diserahkan pada pandangan mata kasar. Maka ia akan tergugur dan tidak dikira hutang yang boleh dituntut apabila sudah berlalunya masa tanpa apa-apa akad. Akad yang berlaku sama ada *al-Ijarah* (upah) atau *Syarikat al-Abdan*, untuk mengikat semula sumbangan yang sudah berlalu itu juga tidak dikira kerana akad pada perkhidmatan yang sudah tiada dan sudah lupsu<sup>31</sup>. Ia berbeza dengan sumbangan wang atau barang perkakas perumahan, selagimana objek itu dapat dimiliki dan diserah, maka pemberiannya kepada suami tanpa apa-apa akad mengekalkan pemilikan si isteri dan dikira hutang yang perlu ditanggung oleh suami dengan berlalunya masa<sup>32</sup>, melainkan berlakunya akad *al-Ibra* (perlepasan tanggungan) pada kemudiannya, sama ada dalam bentuk lafaz ataupun serahan yang diketahui tujuannya. Ianya bersesuaian dengan kaedah:

"العبرة في العقود للمقاصد والمعانٰي، لا للألفاظ والمباني." <sup>33</sup>.

Maksudnya: Perkara yang diambil kira di dalam akad adalah tujuan dan kandungan maknanya yang tersirat, bukanlah sekadar dengan lafaz dan kalimah tersurat.

<sup>31</sup> Al-Bakriyy. Jld 4/Hlm 129. Al-Samarqandi, *Tuhfah al-Fuqaha*. Beirut; Dar al-Fikr, 2002. Hlm 381.

<sup>32</sup> Al-Bakriyy. Jld 4/Hlm 130.

<sup>33</sup> Al-Zarqa. Hlm 55.

Jadi salah satu rukun akad sudah tiada ketika ingin dilangsungkan akad pada sumbangan tak langsung yang sudah berlalu itu, bahkan tujuan dapat difahami ianya adalah sumbangan yang berlaku secara sukarela. Justeru, menyebabkan akad tidak boleh berlaku pada kemudian hari kerana tidak mencukupi rukunnya. Rukun yang tiada di sini adalah: manfaat yang tidak dapat dilaksanakan ketika akad berlaku dan tidak berlaku imbalan, kerana ianya sudah lups dengan berlalunya masa. Ia ibarat seperti beli barang yang tiada (معدوم) dengan harga tertentu. Dari logik akal juga dapat mengerti akad pertukaran tidak akan berlaku dan tidak dimeterai ikatannya pada perkara yang kosong.

Akad adalah tuntutan Syara' yang dikaitkan dengan kehendak dua pihak pada sesuatu perkara. Ianya perlu untuk memastikan keredhaan itu berlaku di antara mereka berdua<sup>34</sup>. Maka sekiranya adat mengetepikan akad ini, pastinya akan menyebabkan terbukanya ruang untuk pengambilan hak-hak orang lain secara batil dan tanpa kerelaan. Di sinilah berlakunya percanggahan adat dengan Syara', bahkan kemudaratan akan terbuka lebih luas sekiranya masing-masing mendakwa harta itu dimiliki oleh mereka tanpa apa-apa akad yang boleh dibuktikan.

Melihat kepada adat yang mengetepikan akad yang dituntut oleh Syara', maka dalil *maslahah mursalah* (manfaat yang tiada dalil) dan *istihsan bii al-'urf* (pengambilan hukum yang terbaik dari 'urf) juga tidak diterima kerana kedua-dua dalil ini disandarkan kepada 'urf yang berlaku percanggahan dengan nas Syara'.

---

<sup>34</sup> Lihat surah al-Nisa: 29, surah al-Baqarah: 275, surah al-Maidah: 1 dan sabda Rasulullah SAW: (إنما البيع عن تراضي). Hadith Sohib. Riwayat Ibn Majah, Beirut: Dar al-Fikr. Jld 2/Hlm 737, No. Hadith: 2185. Maksudnya: bahawasanya jual beli itu dengan redha merdhai.

## Akad *Mu'amalat* Yang Bersesuaian Dengan Sumbangan Tak Langsung Untuk Dijadikan Harta Sepencarian

Sejauh manakah kebenaran perlaksanaan sumbangan tak langsung yang sah dikira sebagai harta sepencarian?

Sumbangan tak langsung perlulah dimulakan dengan akad sebelum dimulakan apa-apa perkhidmatan usaha oleh seseorang. Ia bagi memenuhi rukun akad supaya dapat mengelakkan daripada berlaku pertikaian dan perselisihan pendapat pada masa hadapan. Justeru, sumbangan ini perlulah didahului dengan akad-akad *mu'amalat* seperti *Syarikat al-Abdan*, *al-Ijarah*, *al-Ju'alah* dan akad yang lain.

*Sighah* (lafaz akad) *Syarikat al-Abdan* dalam Mazhab Hanafi amatlah mudah, hanya menyatakan tujuan seperti; marilah bekerja bersama dan keuntungan dibahagi bersama, kemudian diiyakan<sup>35</sup>. Maka akad sudah berlangsung. Sekiranya tidak mencukupi syarat seperti tidak disebut dan dijelaskan kadar keuntungan, maka syarikat boleh berlaku *fasad* (kerosakan), ini berubah menjadi keuntungan yang perlu dibayar kepada upah yang munasabah hasil kerja sahaja<sup>36</sup>.

Syarat yang boleh terbatal dan berlaku *fasad* juga perlu dijelaskan kepada suami isteri kerana kedua-dua istilah itu berlainan maksud dalam Mazhab Hanafi. Yang batal itu menunjukkan tidak berlaku apa-apa pertukaran pemilikan, yang *fasad* pula berlaku pertukaran pemilikan tetapi ianya berdosa memerlukan pengeluaran barang dimiliki itu dari pemilikannya sama ada memulangkan semula atau menjualkannya. Bahkan Fuqaha Mazhab Hanafi mengkategorikan harta yang dimiliki dari akad yang *fasad* ini sebagai harta rampasan (**النصب**). Oleh hal yang demikian, perlulah

---

<sup>35</sup> Al-Samarqandiyy. Hlm 387.

<sup>36</sup> Ibid. Hlm 389.

dielak dari berlakunya *fasad* supaya harta yang dimiliki itu diredhai sesama manusia dan diredhai Allah SWT juga<sup>37</sup>.

Akad *al-Ijarah* juga sesuai dikaitkan dengan sumbangan tak langsung. Ia kerana akad ini berhubung rapat dengan manfaat. Cuma upah yang diberi berdasarkan *al-Ijarah* adalah jumlah tertentu daripada akad yang tidak boleh berkembang dan dituntut melebihi kadarnya. Ia berbeza dengan *Syarikat al-Abdan*, berkonsepkan perniagaan yang boleh berkembang keuntungannya, maka ditentukan pembahagian keuntungannya sama ada  $\frac{1}{2}$ ,  $\frac{1}{3}$  ataupun lebih.

Di sisi Mazhab Hanafi, akad *al-Ijarah* untuk dibayar upah kepada isteri boleh berlaku dengan syarat perkhidmatan isteri bukan berkaitan dengan hal ehwal dalaman rumah, sekiranya berkait dengan hal ehwal rumah seperti memasak, mengemas rumah, menyusu anak dan mengasuhnya, ia adalah akad yang *fasid* tidak harus berlaku dan tidak layak si isteri menerima upah kerana ia termasuk di dalam bayaran nafkahnya<sup>38</sup>. Begitu juga akad *Syarikat al-Abdan* yang boleh berlaku *fasid* disebabkan perkhidmatan hal ehwal rumah tangga. Akan tetapi dalam bab memuliakan sesama ahli keluarga, si suami boleh memberi upah yang munasabah dengan kerelaan hatinya<sup>39</sup> dan tidak boleh memaksa isteri berkhidmat untuk dirinya<sup>40</sup>.

Akad *al-Qard* (pinjaman) dan *al-Mudharabah* (pelaburan) juga penting untuk dipelajari dan diketahui oleh suami isteri bagi menentukan sumbangan langsung atau sumbangan tak langsung itu dapat menghasilkan harta sepencarian ataupun tidak. Contoh sumbangan langsung dari pihak isteri; si suami meminta sejumlah wang dari isteri kemudiannya dijadikan wang tersebut modal perniagaan. Permintaan ini tidak dijelaskan akadnya sama ada pinjaman atau pelaburan, maka pemberian ini adalah hutang yang perlu

<sup>37</sup> Sila rujuk: al-Samarqandiyy. Hlm 244-246, 381 & 430. Al-Zuhailiy. Jld 4/Hlm 3089.

<sup>38</sup> Al-Sarakhsiy. Jld 16/Hlm 55.

<sup>39</sup> Ibid. Jld 16/Hlm 56.

<sup>40</sup> Ibn 'Abidin, *Hashiah Ibn 'Abidin*, Beirut: Dar al-Fikr, 1992. Jld 3/Hlm 579.

dilunaskan oleh suami mengikut kadar yang diberi. Ini kerana serahan semata-mata dari isteri tanpa ada tujuan penukaran pemilikannya mengekalkan pemilikan miliknya yang perlu ditanggung oleh suami.

Apabila diketahui oleh si isteri bahawa suaminya menggunakan duit pemberiannya untuk bermiaga dan didapati mengaut keuntungan yang besar, isteri pula meletakkan syarat pemberian ini perlu dipulangkan dengan jumlah yang lebih atau manfaat yang lain, maka semestinya pinjaman itu berunsur *Riba al-Qard* (lebihan bayaran pinjaman) yang diharamkan oleh Syara'. Sekiranya si isteri hanya berdiam diri, maka keuntungan itu pasti akan dinikmati oleh suami seorang sahaja, tanpa dinafikan ada sedikit perbelanjaan ihsan yang disalurkan kepada ahli keluarganya. Maka di sini, akad *al-Mudharabah* yang memainkan peranan penting untuk mengeluarkan dari masalah riba, dan berlaku adil sesama mereka. Dengan berlakunya akad *al-Mudharabah* (pelaburan), duit yang diberikan oleh isteri sebagai modal layak untuk si isteri menerima untung, manakala perniagaan suami adalah usahanya yang layak menerima upah. Maka akad inilah perlu dimeterai antara suami isteri dengan keuntungan yang jelas seperti 1/2, 1/3 dan sebagainya, supaya tidak berlaku penganiayaan dan pertikaian antara suami isteri. Begitulah sebaliknya, suami mengeluarkan modal kepada isteri untuk diusahakan dan keuntungan dibahagi bersama, maka usaha (sumbangan tak langsung) dari pihak isteri itu diterima oleh Syara' untuk dituntut upahnya (harta sepencarian) sekiranya berlaku pertikaian di antara mereka.

Hasil dapatan kajian ini membezakan batasan sumbangan tak langsung dikira sebagai harta sepencarian pada sudut Undang-Undang Keluarga Islam, yang adakalanya bercanggah dengan Syara' dan ada ketikanya boleh diterima oleh Syara'. Ini kerana harta sepencarian ini adalah permasalahan-permasalahan yang sudahpun dibincang dan dijelaskan oleh

*fuqaha* secara tidak tersusun di dalam bab-bab *mu'amalat* dan pernikahan, bukanlah perkara yang baharu membabitkan Adat Melayu sahaja dan memerlukan fatwa yang baharu.

Di sini, diringkaskan sumbangan tak langsung yang bercanggahan dengan Syara' dan yang diterima oleh Syara';

1) Sumbangan tak langsung yang bercanggahan dengan Syara' dan tidak boleh dikira sebagai harta sepencarian untuk dituntut;

- sumbangan yang berlaku tanpa akad *al-Ijarah*, tanpa rukunnya dan syarat-syaratnya.

- Sumbangan yang berlaku tanpa akad *Syarikat al-Abdan*, tanpa rukunnya dan syarat-syaratnya.

- Sumbangan yang berlaku tanpa akad *al-Mudharabah*, tanpa rukunnya dan syarat-syaratnya.

Kesimpulannya, apa-apa manfaat yang berlalu tanpa apa-apa akad adalah dikira *tabarru' ihsan* (sumbangan tanpa apa-apa balasan) yang tidak boleh diakadkan semula dan tidak boleh dituntut upahnya walaupun kesannya boleh mengakibatkan berkembangnya keuntungan.

2) Sumbangan tak langsung dikira harta sepencarian dan diterima oleh Syara' untuk dituntut;

i. Berdasarkan akad;

- Sumbangan yang berlaku dengan akad *al-Ijarah*, mencukupi rukunnya dan syarat-syaratnya. Diberi upah yang dijanjikan sekadar kerja yang dilakukan tanpa hasil keuntungan yang berkembang.

- Sumbangan yang berlaku dengan akad *Syarikat al-Abdan*, mencukupi rukunnya dan syarat-syaratnya, antara syarat yang utama yang diletakkan oleh Fuqaha Mazhab Hanfi; sumbangan si isteri bukan pada hal ehwal rumah

tangga. Diberikan keuntungan sama ada 1/2, 1/3, 1/4 atau lebih seperti yang dijanjikan. Akad dan pembahagian keuntungan ini juga boleh diteruskan walaupun berlaku penceraian. Ia kerana akad yang harus ditentukan dari kedua-dua pihak.

- Sumbangan yang berlaku dengan akad *al-Mudharabah* (pelaburan), mencukupi rukunnya dan syarat-syaratnya. Si suami mengeluarkan modal dan si isteri berusaha atau sebaliknya. Diberikan keuntungan sama ada 1/2, 1/3, 1/4 atau lebih seperti yang dijanjikan.
- Sumbangan yang berlaku dengan akad *al-Ijarah* yang *fasid*, berlaku kecacatan pada syarat-syaratnya, maka diberi upah munasabah hasil usahanya, bukan upah yang dijanjikan kerana akad sudah *fasid*.
- Sumbangan yang berlaku dengan akad *Syarikat al-Abdan* yang *fasid*, berlaku kecacatan pada syarat-syaratnya, maka diberi upah munasabah hasil usahanya, bukan untung yang dijanjikan bersama kerana akad sudah *fasid*.
- Sumbangan yang berlaku dengan akad *al-Mudharabah* yang *fasid*, berlaku kecacatan pada syarat-syaratnya, maka diberi upah munasabah hasil usahanya.

Kesemua harta yang *fasid* ini, sebaiknya tidak diterima dan tidak diambil melainkan dengan mengetahui kerelaan setiap pasangan berdasarkan akad *al-Ibra* (pelepasan tanggungan) atau akad *al-Suhlu* (berdamai). Oleh hal demikian, upah dan untung yang dijanjikan perlu dielak dari penerimaan, bahkan yang diterima hanyalah upah munasabah (أجرة المثل) sahaja kerana perkhidmatan sudah berlaku dengan mengharapkan upah dari akad yang *fasid* itu.

ii. Pertikaian;

- pertikaian antara suami isteri pada sebuah harta yang dikemukakan bukti kuat bahawa pemilikan harta itu masih dimiliki oleh mereka secara

bersendirian ataupun bersama sudah pun dibincangkan oleh *fuqaha* dahulu. Ia juga merupakan amalan yang diguna pakai di Malaysia dalam harta sepencarian. Pertikaian ini diselesaikan berasaskan Mazhab Syafi'i<sup>41</sup>, iaitu diminta dari mereka berdua untuk bersumpah dan dibahagikan secara sama rata. Kaedah pembahagian ini dipersetujui oleh Fuqaha Mazhab Hambali, walaupun terdapat sedikit perbezaan<sup>42</sup>. Ini berlaku sekiranya pertikaian antara mereka berdua berlarutan tanpa penghujungnya, sama ada berlaku pertikaian ini pada sudut sumbangan langsung ataupun sumbangan tak langsung.

## Pandangan Mazhab

Sebaliknya, wujudnya pandangan mazhab berkaitan persoalan hukum berkaitan sumbangan tidak langsung oleh pihak isteri sebagai suatu asas dalam tuntutan harta sepencarian. Adakah sumbangan tidak langsung merupakan suatu kewajipan ke atas isteri dalam sesuatu akad perkahwinan? Para *fuqaha* berbeza pandangan dalam masalah sumbangan tidak langsung isteri dalam rumahtangga kepada tiga pandangan.

1. Menurut pandangan Mazhab Hanafi, isteri berkewajipan memberikan sumbangan tidak langsung dalam rumahtangga menurut hukum syarak dan tidak wajib menurut undang-undang. Mereka mengemukakan dalil berdasarkan tindakan Nabi Muhammad S.A.W sendiri yang telah membahagikan tugas pengurusan rumahtangga di antara Saidina Ali r.a dan Fatimah r.a. Baginda telah menetapkan bahawa pengurusan dalaman rumahtangga adalah tanggungjawab isteri, manakala pengurusan luaran rumahtangga adalah

<sup>41</sup> Al-Syafi'i, *Al-Umm*, Beirut: Dar al-Ma'rifah, 1990. Jld 7 / Hlm 139. Al-Ba'lawiy, *Bughyah al-Mustarshidin*, Jeddah: Dar al-Minhaj, 2018. Jld 2/Hlm 190. Al-Ramliy, *Nihayah al-Muhtaj*, Beirut: Dar al-Fikr, 1984. Jld 8/Hlm 363.

<sup>42</sup> Al-Bahutiy, *Kashaf al-Qina'*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. Jld 6/Hlm 389.

tanggungjawab suami. Menurut mereka lagi, dalil ini menjadi sandaran kepada pengharaman meminta upah dan gaji ke atas sumbangan tidak langsung ini.

2. Menurut Mazhab Maliki pula, isteri berkewajipan terhadap pengurusan dalam rumah tangga berasaskan amalan adat bahawa ia merupakan tanggungjawab seorang isteri. Dalil yang sama turut dikemukakan di mana Nabi Muhammad S.A.W telah memberikan kepada Ali dan Fatimah tanggungjawab masing-masing dalam rumah tangga. Baginda S.A.W sendiri pernah menyuruh isterinya A'isyah r.a menghidangkan makanan dan minuman kepada tetamu yang hadir ke rumah mereka. Perbezaan pandangan Mazhab Hanafi dan Maliki hanyalah melibatkan kewajipan menurut hukum syarat menurut Mazhab Hanafi dan kewajipan menurut undang-undang menurut Mazhab Maliki.
3. Menurut *Jumhur Fuqaha* diwakili oleh Mazhab Syafi'i, Hambali dan sebahagian Fuqaha Maliki, isteri tidak berkewajipan memberikan sumbangan tidak langsung dalam rumah tangga, namun dia lebih utama baginya memberikan sumbangan tidak langsung kerana perkara ini telah menjadi amalan adat dalam masyarakat. Mereka turut menambah bahawa sesuatu akad perkahwinan hanyalah memberikan hak dan kebenaran untuk menjalankan hubungan seksual. Ia bukanlah untuk digunakan bagi mengaut sebarang keuntungan dan manfaat. Adapun hadis yang dikemukakan oleh Mazhab Hanafi dan Maliki hukumnya adalah sunat dan suatu tindakan yang mulia, tetapi tidak wajib.<sup>43</sup>

---

<sup>43</sup> Al-Imrani, *al-Bayan Fi Mazhab al-imam al-Syafi'i*; Dar al-Minhaj, 2000. Jld 9/ Hlm 508.

## Kesimpulan

Perkahwinan yang berlangsung memerlukan toleransi yang baik terutama dalam bab perkhidmatan dan sumbangan antara suami isteri. Asas dalam sumbangan suami isteri adalah; setiap diri pasangan memberi perkhidmatan yang terbaik kepada pasangan tanpa diungkit dan berkira. Inilah sunnah Rasulullah SAW dan para sahabat bersama isteri-isteri mereka. Hal ini banyak dititik beratkan oleh *fuqaha* dan yang mencintakan Sunnah<sup>44</sup>. Namun Sunnah ini tidaklah sampai mengikat sehingga peringkat kewajiban, bahkan Syara' membuka ruang yang luas untuk upah mengupah sesama suami isteri berdasarkan akad. Hal ini memudahkan orang awam yang mungkin tidak dapat mengamalkan secara sepenuhnya sunnah Rasulullah SAW. Mereka boleh menuntut upah dan keuntungan bersama pada sumbangan dan usaha yang diberikan. Justeru, apabila berlaku penceraian, harta-harta tersebut boleh dituntut atas dasar hutang dan harta sepencarian yang belum dilunaskan. Apabila ditanya fatwa kepada Imam al-Shabramallisiyy al-Syafi'i berkaitan permasalahan suami mengupah isteri, adakah wajib ke atas seorang suami memaklumkan kepada isterinya bahawa dirinya tidak wajib berkhidmat kepada suaminya seperti adat kebiasaan memasak, menyapu dan sebagainya? Ataupun pemakluman itu tidak wajib? Maka dijawab, maksudnya: "Pandangan yang jelas adalah yang pertama, (iaitu wajib suami memaklumkan perkara tersebut), kerana si isteri apabila tidak mengetahui bahawa dirinya tidak wajib berkhidmat, ia akan menyangkakan kewajiban tersebut dan menganggap dirinya tidak layak menerima nafkah sekiranya tidak berkhidmat kepada suaminya, maka seolah-olah si isteri ini terpaksa melakukan perkhidmatan kepada suaminya

---

<sup>44</sup> Al-Bakriyy. Jld 4/ Hlm 116. Ibn 'Abidin. Jld 3/Hlm 579. Ibn Qudamah. Jld 7/Hlm 296. Al-Qurtubiy. Jld 2/Hlm 133. Sayyid Sabiq. Jld 2/Hlm 203.

(dengan mengharapkan nafkah, sedangkan nafkah itu wajib dengan hak pergaulan *istimta'*). Walaupun sedemikian, sekiranya isteri telah berkhidmat tanpa pemakluman hal ini dari suami, maka kebarangkaliannya perkhidmatan itu tidaklah diwajibkan pembayaran upah kerana kekurangan berlaku dari pihak isteri sendiri, tidak mencari hukum tersebut dan tidak bertanya.<sup>45</sup>"

Dari soal jawab fatwa di atas, setiap pasangan perlulah mengetahui hak masing-masing, terutama mengetahui berkaitan upah dan akad-akad *mu'amalat* yang lain. Ia sangatlah penting untuk melengkapi hak pergaulan sesama suami isteri supaya harta yang dimiliki di antara mereka berasaskan konsep saling redha meredhai.

- Asas akad yang berkait dengan harta perlu diketahui oleh suami isteri, antaranya:

1. Akad nikah mengharuskan pergaulan *istimta'* sesama suami isteri dan kewajiban mahar, bukanlah akad pertukaran harta milik suami isteri.
2. Nafkah tidak perlu kepada akad. Ciri-ciri ini menunjukkan Syara' memberi kelonggoran untuk pemilikan isteri dari suaminya yang tidak berlaku pada pihak yang lain. Serahan nafkah dinilai mengikut harian dan menjadi wajib dengan adanya hak kemampuan *istimta'* si suami ke atas isterinya. Tanpa hak tersebut, *nusyuz* boleh berlaku dan tergugurlah nafkah pada hari berkenaan. Sekiranya tertangguh, maka apa yang wajib bersifat objek seperti wang, pakaian dan perkakas rumah, masih menjadi hutang tanggungan suami walaupun berlalunya masa yang panjang. Manakala yang bersifat manfaat pula seperti tempat tinggal tidak disediakan, hanya mendiami di rumah keluarga suami atau isteri, sekiranya sudah berlalu maka tergugur hak suami dan tidak dikira hutang dan tidak perlu dibayar sewa kepada isteri<sup>46</sup>.

---

<sup>45</sup> Al-Shabramallisiyy, *Hashiah Nihayah al-Muhtaj*, Beirut: Dar al-Fikr, 1984. Jld 7/190. Al-Bakriyy. Jld 4/ Hlm 120-121.

<sup>46</sup> Al-Bakriyy. Jld 4/Hlm 129.

3. Akad *mu'amalat* seperti *al-Bai'*, *il-Ijarah*, *al-Ju'alah*, *Syarikat al-Abdan*, *al-Mudharabah*, *al-Musaqat*, *al-Muzara'ah*, *al-Hibah* dan lain-lain. Semestinya memerlukan akad bagi pertukaran pemilikan dan perkembangan hasil untung yang boleh dituntut di Mahkamah, sama ada tuntutan itu berlaku dalam tempoh perkahwinan ataupun selepas penceraian dan kematian. Pemberian suami -selain nafkah- kepada isteri seperti barang kemas dan lain-lain tanpa apa-apa akad dan tidak diketahui tujuan pemberian juga tidak bertukar pemilikan pada pandangan yang kuat di sisi Fuqaha Mazhab Syafi'i<sup>47</sup>.

4. Harta pusaka juga adalah hak-hak bahagian yang telah diputuskan oleh Syara', ia dikira sebagai harta yang perlu dikongsi secara paksaan, (شركة الجبر) mengikut istilah penggunaan Syara'.

- Pihak berkuasa seperti Jabatan Agama juga perlu mengambil inisiatif untuk menyebarkan ilmu *mu'amalat* yang asas kepada masyarakat seperti menambah bahan *mu'amalat* di dalam kursus pernikahan sebelum berlangsungnya akad nikah. Bahan tersebut adalah asas sahaja seperti jual beli, sewa menyewa, upah dan *Syarikat al-Abdan* yang boleh dikaitkan dalam harta sepencarian.

- Sumbangan tak langsung yang berkait dengan hal ehwal rumah dan diluarnya, boleh dilakukan akad *al-Ijarah* untuk si isteri layak mengambil upah tertentu mengikut pandangan *jumhur*. Ia berkaitan dengan jumlah terhad yang masih tertangguh pembayarannya dan dimasukkan ke dalam harta sepencarian.

- Manakala sumbangan tak langsung yang berkait dengan kerja luar rumah juga, boleh dilakukan akad *Syarikat al-Abdan* mengikut pandangan Mazhab Hanafi. Di mana ia boleh dikaitkan dengan jumlah keuntungan yang berkembang dan dimasukkan ke dalam harta sepencarian.

---

<sup>47</sup> Ibid. Jld 4/ Hlm 135-136

- Untuk menguatkan lagi instrumen peruntukan tuntutan sumbangan tak langsung dalam harta sepencarian, sayugia dicadangkan untuk berlangsungnya lafaz akad *Syarikat* beserta syarat-syaratnya yang perlu diteliti. Ianya boleh dilakukan selepas akad pernikahan supaya atas perkongsian harta itu terjadi antara suami isteri. Apabila berlaku penceraian atau kematian, Mahkamah boleh membahagikan harta tersebut berdasarkan aqad *Syarikat al-Abdan*. Contoh akad bagi cadangan di atas, disediakan dokumen akad yang bertulis dan berlangsungnya ia selepas akad pernikahan. Dokumen tersebut dibaca oleh si suami yang berbunyi:

“Kami berdua suami isteri akan berkongsi apa yang diusahakan oleh kami bersama pada perkara yang tiada kaitan dengan hal ehwal rumah tangga, dengan keuntungan dibahagi mengikut beban kerja yang diusahakan dan risiko yang ditanggung<sup>48</sup>. Sekiranya saya (suami) melakukan pengkhianatan atau melanggari syarat-syarat seperti di bawah (dinyatakan mengikut kesesuaian), atau berlaku tidak adil, atau mengabaikan tanggungjawab perkongsian usaha ini dengan sebab yang tidak munasabah, maka si isteri berhak mendapat keadilan dari Mahkamah. Dan sekiranya si isteri mengadu dan menuntut di mana-mana Mahkamah Syariah dengan bukti yang jelas, maka Mahkamah layak membahagikan harta tersebut sebagai harta sepencarian. Pihak yang bekerja keras dan menanggung lebih risiko akan diberi 2/3, manakala pihak yang kurang bekerja dan kurang menanggung risiko diberi 1/3.”

Kemudian si isteri mempersetujui akad yang dibaca oleh suami dan kedua-dua mereka menandatangani dokumen akad tersebut.

Perkara ini juga perlu dibuat satu kajian secara menyeluruh sebelum pelaksanaannya bagi melihat sudut kemaslahatan, kemudharatannya, syarat-syarat yang perlu dikemukakan dan kesahihannya. Ini kerana akad syarikat

---

<sup>48</sup> Sila rujuk: al-Samarqandiyy. Hlm 387-388.

adalah akad yang *jawaaz/jaiz* iaitu harus berlaku dan dibatalkan oleh mana-mana pihak sama ada suami atau isteri pada bila-bila masa sahaja.

- Peruntukan harta sepencarian juga perlu diteliti semula dan menjelaskan syarat-syarat yang diterima oleh Syara' untuk menentukan sesuatu sumbangan itu adakah termasuk harta sepencarian yang sah ataupun tidak, seperti memberi penjelasan mengikut peringkat berikut:

- a. Sumbangan tak langsung yang berlalu tanpa apa-apa akad adalah dikira *tabarru' ihsan* (sumbangan tanpa apa-apa balasan) yang tidak boleh diakadkan semula dan tidak boleh dituntut upahnya walaupun kesannya boleh mengakibatkan berkembangnya keuntungan, melainkan dengan pemberian ihsan sesama suami isteri.
- b. Harta sepencarian semestinya berasaskan akad untuk pembuktian.
- c. Sekiranya tiada bukti berlaku akad atau berlaku kesamaran, maka harta itu kekal milik di sisi pemegangnya.
- d. Adanya bukti yang kukuh dari salah seorang, diberi kepada mereka yang kemukakan bukti.
- e. Adanya bukti yang kukuh dari mereka berdua dan masih mempertikaikannya, maka diminta setiap seorang dari mereka untuk bersumpah dan dibahagikan secara sama rata.

- Enakman Undang-Undang Keluarga Islam juga perlulah memperincikan syarat-syarat pemilikan harta yang ditentukan oleh Syara' supaya harta sepencarian itu dibahagikan mengikut hak masing-masing. Hal sedemikian juga dapat terpelihara dari bicara peguam dan anak guamannya yang berkemungkinan mencari kesempatan dengan menyalahgunakan peruntukan seksyen 122 yang umum untuk merobek harta yang bukan hak miliknya. Sekiranya dibiarkan sedemikian, kemudharatan akan lebih berleluasa berbanding kemaslahatan antara suami isteri.

## RUJUKAN (Romanized)

- 'Abd Allah Ibn Ahmad Ibn Qudamah, *al-Mughni*, Maktabah al-Kaherah, 1968.
- 'Abd Rahman Ibn Ali al-Jauzi, *Zaad al-Masir fi 'Ilm al-Tafsir*, Beirut: al-Maktab al-Islamiyy & Dar Ibn Hazm, 2002.
- 'Abd Rahman Ibn Muhammad Ba'lawiy, *Bughyah al-Mustarshidin*, Jeddah: Dar al-Minhaj, 2018.
- Abdul Walid Abu Hasan, *Hak-Hak Wanita Menurut Undang-Undang Keluarga Islam Di Malaysia*, Kuala Lumpur: UIM, 2016.
- Abu Bakr Ibn Mas'ud al-Kasani, *Badai' al-Sanai'*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1986.
- 'Ali Ibn 'Ali al-Shabramallisiyy, *Hashiah Nihayah al-Muhtaj*, Beirut: Dar al-Fikr, 1984.
- *Al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah*. Al-Kuwait; Wazarah al-Auqaf wa al-Shu'un al-Islamiyyah, 2007.
- Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam, Kedah Darul Aman, 2008.
- Husain Ibrahim al-Maghribi, *Qurratul 'Ain bifataawa Ulama al-Haramain*, Mesir: Matba'ah Moustafa Muhammad, 1937.
- Jabatan Mufti Negeri Kedah Darul Aman dan Majlis Agama Islam Negeri Kedah, Himpunan Fatwa Dua (2) Negeri Kedah.
- Jabatan Bantuan Guaman, Hal Ehwal Undang-Undang. Harta Sepencarian.
- Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu, Dalam Perkara Tuntutan Harta Sepencarian.
- Muhammad Ibn 'Abd Allah al-Hakim, *al-Mustadrak*, Kaherah: Dar al-Tasil, 2014.
- Muhammad Ibn Ahmad al-Qurtubiy, *Tafsir al-Qurtubiy*, Kaherah: Dar al-Hadith, 2007.
- Muhammad Ibn Abi al-'Abbas al-Ramliy, *Nihayah al-Muhtaj*, Beirut: Dar al-Fikr, 1984.
- Muhammad Ibn Ahmad al-Samarqandi, *Tuhfah al-Fuqaha*. Beirut: Dar al-Fikr, 2002.
- Muhammad Ibn Ahmad al-Sarakhsiyy, *al-Mabsut*, Beirut: Dar al-Ma'rifah, 1993.
- Muhammad Ibn Idris al-Syafi'i, *Al-Umm*, Beirut: Dar al-Ma'rifah, 1990.

- Mustafa Ahmad al-Zarqa, *Sharh al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*, Dimashq: Dar al-Qalam, 1989.
- Muhammad Amin Ibn Umar Ibn 'Abd 'Aziz'Abidin, *Hashiah Ibn 'Abidin*, Beirut: Dar al-Fikr, 1992.
- Muhammad Ibn 'Abd al-Wahid (Ibn al-Humam), *Sharh Fath al-Qadir 'Ala al-Hidayah*. Beirut; Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2003.
- Norazlina Abd Aziz, Irini Ibrahim dan Mohd Norhusairi Mat Hussin, Harta Sepencarian/Aset Perkahwinan Bagi Pembubaran Perkahwinan Di Bawah Seksyen 51 Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 Serta Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984. Journal Of Shariah Law Research, 2019.
- Sayyid Sabiq, *Fiqh al-Sunnah*, Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabiyy, 1977.
- Sunan Ibn Majah, Beirut: Dar al-Fikr.
- Taufiq Musaddad Bin Hj Ahmad, Harta Sepencarian Menurut Perspektif Islam. E-muamalat, Kertas Ilmiah (JAKIM).
- 'Uthman Ibn Muhammad Shatta Al-Bakriyy, *Hashiah I'anah al-Talibin*. Dimashq; Dar al-Faiha & Dar al-Manhal, 2006.
- Wahbah Mustafa al-Zuhailiyy, *al-Fiqh al-Islamiy wa Adillatuh*, Dimashq: Dar al-Fikr.
- Yahya Ibn Abi Khair al-'Imrani, *al-Bayan Fi Mazhab al-Imam al-Syafi'i*; Dar al-Minhaj, 2000.

#### Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.